



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA

Lembaga Koko Malaysia mempelawa permohonan dari warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan bertaraf Tetap di Lembaga Koko Malaysia. Maklumat jawatan dan syarat kelayakan adalah seperti berikut:-

1. **PEGAWAI PENYELIDIK (Bil. Kekosongan : 1)**
(Penempatan Kekosongan : Pusat Inovasi dan Teknologi Koko, Nilai, Negeri Sembilan)

- i. *Klasifikasi Perkhidmatan* : Penyelidikan dan Pembangunan
- ii. *Kumpulan Perkhidmatan* : Pengurusan dan Profesional
- iii. *Taraf Jawatan* : Tetap
- iv. *Jadual Gaji* :

Gred	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
Q41	RM2,146.00	RM 8,718.00	RM225.00

- v. *Syarat Kelayakan* :
- a) Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang **Kejuruteraan Kimia / Kejuruteraan Proses / Kejuruteraan Mekanikal** daripada Universiti-universiti Tempatan dan luar negara atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- DAN** b) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Keutamaan adalah diberi kepada pemohon yang memperolehi Ijazah Sarjana dan mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan)

Syarat-Syarat Permohonan

- i) Terdiri daripada warganegara Malaysia.
- ii) Calon-calon bagi lantikan hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
- iii) Bagi calon-calon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan hendaklah berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh iklan serta mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan mengemukakan bersama Laporan Nilai Prestasi Tahun 2012 atau 2013, Kenyataan Perkhidmatan yang kemas kini dan Laporan Pengisytiharan Harta.

Penaklukan Di bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan

Calon-calon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

Cara Memohon

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **borang permohonan yang boleh** dicetak melalui Laman Sesawang Lembaga di alamat www.koko.gov.my

Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta sekeping gambar berukuran paspot dan salinan Ijazah, Diploma (termasuk transkrip keputusan peperiksaan semua semester), STPM/SPM/, Sijil Berhenti Sekolah dan lain-lain dokumen (spt, kad pengenalan, sijil lahir, dll lagi) yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Dalam Kumpulan Pengurusan & Profesional dan hendaklah dihantar tidak lewat pada **31 OKTOBER 2014** ke Ibupejabat Lembaga Koko Malaysia di alamat:-

**KETUA PENGARAH
LEMBAGA KOKO MALAYSIA
TINGKAT 5, 6 & 7 WISMA SEDCO,
LORONG PLAZA WAWASAN
OFF COASTAL HIGHWAY
BEG BERKUNCI 211
88999 KOTA KINABALU, SABAH.**

Nama jawatan yang dipohon hendaklah dicatit disudut atas sebelah kiri sampul surat. Sebarang **permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan dan akan dianggap tidak berjaya**, hanya calon-calon yang layak selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.